

Operasi Penerbangan AirAsia Kekal Di LCCT Selepas 9 Mei
Bernama
1 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Semua operasi AirAsia dan AirAsia X akan terus kekal di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) walaupun selepas 9 Mei 2014, kata Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Bhd, Aireen Omar.

Dalam satu kenyataan hari ini, beliau berkata, walaupun AirAsia bersedia pindah ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2), perpindahan itu hanya akan dilakukan selepas semua isu diatasi.

Aireen berkata demikian sebagai maklum balas kepada pengumuman Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi bahawa LCCT akan ditutup menjelang 9 Mei 2014 bagi memudahkan pembukaan klia2.

Menurutnya, keputusan kajian Ikram Premier Consultings mengenai kesediaan klia2 baru-baru ini menunjukkan wujudnya lekukan di landasan rayap/apron dan landasan yang memerlukan langkah pemulihan berkala dilakukan ke atas kawasan tertentu.

"Keadaan ini akan menjejaskan operasi penerbangan hab seperti kumpulan AirAsia yang mempunyai kira-kira 400 pergerakan pesawat sehari dan sekurang-kurangnya 70 pesawat miliknya di LCCT," katanya.

Aireen berkata, adalah penting untuk memastikan langkah pemulihan dilakukan sebelum perpindahan bagi mengurangkan risiko berkaitan insiden penerbangan.

"AirAsia juga percaya kesediaan beroperasi dan tempoh perpindahan lapangan terbang (ORAT) untuk menyokong operasi AirAsia akan memerlukan lebih daripada dua bulan seperti diberikan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB).

Aireen berpendapat tempoh perpindahan yang ditetapkan MAHB itu tidak realistik dan terlebih optimis.

Menurutnya, ORAT untuk perpindahan dari terminal utama KLIA ke LCCT pada 2006 mengambil masa lebih daripada dua bulan ketika operasi AirAsia ketika itu jauh lebih kecil.

"Selain itu, terdapat perkara utama berkaitan komersil, operasi dan perkara terbuka dalam kontrak yang masih dibincangkan antara AirAsia dan MAHB yang perlu diselesaikan sebelum perpindahan ke klia2," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026963>